

**UCAPAN**  
**YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI**  
**SEMPENA MAJLIS MENYEMARAK SEMULA, DEWAN TUNKU CANSELOR,**  
**UNIVERSITI MALAYA**  
**DI UNIVERSITI MALAYA, KUALA LUMPUR**  
**20 OGOS 2002**

-----

Hampir 40 tahun lalu, saya berada di dewan ini dengan gaun dan topi akademik, bersama rakan-rakan seangkatan, menantikan nama saya dipanggil, lalu melangkah dengan rasa penuh syukur dan keriangannya untuk menerima skrol menandakan saya telah ditauliahkan sebagai seorang graduan.

2. Bersama di dewan ini, ayah dan ibu saya yang datang dari kampung di Kepala Batas menyaksikan upacara tersebut dengan linangan air mata kegembiraan, bangga melihat kejayaan putera mereka. Mereka melalui masa yang panjang berkeretapi dari Butterworth ke Kuala Lumpur untuk menyaksikan peristiwa begitu bersejarah bagi keluarga kami, apabila Abdullah, putera sulung kepada Haji Ahmad Badawi (Allahyarham) dan Hajjah Kailan dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda Sastera (Pengajian Islam) dalam tahun 1964.

3. Saya adalah di antara siswazah lain, dan ibu-bapa saya adalah di antara ratusan ibu-bapa lain yang datang dari seluruh pelusuk tanah air untuk menyaksikan anak atau ahli keluarga masing-masing berpakaian akademik sebagai graduan Universiti Malaya, universiti terulung malah satu-satunya universiti di negara yang baru merdeka ketika itu.

5. Sebelum negara mencapai kemerdekaan dan di zaman awal kemerdekaan, menjadi graduan universiti bukanlah satu kebiasaan malah bertambah sukar bagi anak-anak desa untuk mendapat peluang pendidikan di peringkat universiti. Apabila seorang anak desa berjaya menerima ijazah di Dewan Tunku Canselor, kejayaan itu akan menjadi bahan perbualan di kampung untuk berbulan lamanya.

6. Malam ini, dengan izin Allah swt, kita sekali lagi berkumpul di dewan ini dalam Majlis Menyemarak Semula Dewan Tunku Canselor. Ramai di antara kita pastinya akan kembali teringat kepada memori lama dengan penuh nostalgia. Bagi sebahagian kita, di sinilah tempat berputik cinta, terbisiknya suara kasih di antara dua remaja, sambil berpegangan tangan dan mencuri pandangan dengan sangkaan bahawa tidak ada mata lain yang memandang keasyikan dunia Lela-Majnun yang sedang mereka lalui.

7. Bagi sebahagian hadirin, di lantai dewan inilah tempat mula belajar menari pada Majlis Tari Menari Minggu Kebajikan. Bagi sebahagian hadirin, dalam lengkungan dinding dewan inilah telah melalui tempoh orientasi, kena `ragging' dengan pelajar `senior' lalu mencetuskan hubungan persahabatan yang berterusan dan berpanjangan. Bagi sebahagian hadirin, di bawah bumbung dewan inilah kita menduduki peperiksaan hingga melayakkan kita menjadi seorang graduan.

8. Berapa ramai ibu bapa yang melinangkan air mata gembira di dewan ini? Berapa ramai pemimpin negara dan tokoh industri yang dicipta di dewan ini? Berapa ramai tali kasih yang tersimpul di dewan ini? Berapa ramai pula janji di dewan ini yang tidak di kota? Dewan ini adalah saksi kepada segala peristiwa yang penuh sejarah.

9. Dewan Tunku Canselor telah merakamkan banyak sejarah dan menyaksikan saat-saat penting dalam hidup ramai di antara kita. Dewan ini memberi makna yang

pelbagai kepada setiap seorang dari kita; sama ada tempat kemuncak pencapaian akademik, tempat dahi berpeluh sewaktu menghadapi peperiksaan, tempat mengasah bakat kepimpinan atau bakat seni, tempat di kalangan sebahagian kita menggayakan seluar `yankee' dan menari ligat ala Elvis Presley, tempat kita diminta mengikat tali kasut `senior' di musim orientasi, dan tempat terjalinnya ikatan cinta dan talian kasih di antara kita dengan teman hidup pilihan. Dewan Tunku Canselor menyaksikan waktu-waktu setiap kita melalui proses pembentukan diri dan watak.

10. Berita kebakaran Dewan Tunku Canselor tentulah menyentuh hati kita. Peristiwa yang amat mengejutkan. Ada di antara kita yang hancur hatinya. Jika Dewan Tunku Canselor telah menjadi abu, sejarah kita bagaikan lebur menjadi debu. Satu simbol hidup bagaikan musnah dan ribuan siswazah yang melalui Dewan ini merasakan tempat yang penuh memori lagi nostalgia ini bagaikan terhapus.

11. Dalam kehilangan permata bernilai ini, kita mendapat perhatian umum terutama dari kalangan alumni Universiti Malaya, disertakan usaha bersungguh beberapa akhbar utama dalam usaha mencari dana bagi membangunkan semula Dewan Tunku Canselor.

12. Malam ini kita sama-sama dapat menyaksikan hasilnya. Dewan ini adalah replika yang dapat menggantikan yang telah hilang dengan peningkatan peralatan menjamin keselamatan dewan. Bumbung, alang, tiang, lantai dan dindingnya mungkin bukan lagi bahan yang asal, bahan-bahan yang menjadi saksi kepada segala peristiwa yang berlaku di Dewan ini, peristiwa yang merakamkan perilaku dan tabiat kita serta waktu suka duka kita. Namun dari segi semangat, kita percaya ia tidak lupus dan terus kekal bersemadi dalam ingatan kita sebagai dewan yang telah merakamkan pelbagai peristiwa.

13. Malah ketika ini sendiri, ingatan lama kembali menjelma. Dalam kita meraut usia, ingatan kepada hari muda semakin ketara, sewaktu darah masih muda dan fikiran penuh idealisma untuk mencorak dunia. Mungkin ianya satu cara mengalih fikiran daripada masaalah yang kini perlu dihadapi secara harian, lalu kita bertambah menghargai zaman alam remaja yang penuh dengan keriangannya. Atau mungkinkah kita masih mahu kekal terasa muda, masih berpegangan tangan dengan pilihan hati di pinggir Dewan Tunku Canselor sambil merenung dalam ke air tasik.

14. Kepada mereka yang masih muda, terutamanya di kalangan mahasiswa, hargailah saat-saat keriangannya hidup sebagai mahasiswa seperti yang pernah generasi terdahulu nikmati dan alami. Jangan disangka abang-abang tua seperti kami tidak mempunyai waktu-waktu riang lagi menggembirakan meskipun pada ketika itu teknologi dunia hiburan tidaklah secanggih hari ini. Namun keriangannya yang kami lalui lebih diasaskan kepada hubungan kemanusiaan dan talian persaudaraan di antara manusia dengan manusia.

15. Adalah menjadi harapan saya untuk melihat setiap seorang mahasiswa memperolehi kecemerlangan di bidang pengajian masing-masing dan dapat melangkah bangga menaiki anak-anak tangga pentas di dewan ini untuk menerima ijazah masing-masing. Semoga kejayaan cemerlang yang saudara-saudari perolehi akan memberikan kebanggaan kepada ibu-bapa dan orang-orang yang saudara-saudari kasih seperti yang telah berjaya kami laksanakan kepada ibu-bapa dan keluarga kami.

16. Jika saya dapat menyuarakan di antara harapan yang tersenarai di hati, saya meletakkan harapan supaya setiap seorang mahasiswa dari pelbagai kaum di negara kita dapat belajar, bekerja, bermain dan berinteraksi dengan rasa persaudaraan

yang sejati tanpa ada sebarang prasangka, tanpa ada sebarang prejudis di antara satu sama lain. Adalah menjadi harapan saya mahasiswa dari pelbagai kaum dapat menjalin hubungan persaudaraan yang tulen, berterusan, berpanjangan dan berkekalan merentasi waktu - merentasi masa meski telah meninggalkan alam universiti nanti; hubungan tulen, berterusan, berpanjangan dan berkekalan untuk sama-sama mempertahankan dan membangunkan negara Malaysia.

17. Saya meletakkan harapan agar saudara-saudari mengambil tanggung jawab dari kami menjadikan negara dan warga kita sebagai negara yang hebat dan warga yang hebat.

18. Saya meletakkan harapan agar saudara-saudari akan memiliki memori yang sama dengan kami terhadap alma mater kita bersama ini, memori kenangan keriangannya yang sama-sama kita lalui di sini walaupun pada tempoh masa yang berbeza.

19. Saya meletakkan harapan agar satu hari nanti, anak-anak kita, dan anak-anak kepada anak-anak kita akan menjadi warga Malaysia yang terbilang, terbilang antara yang cemerlang. Saya meletakkan harapan agar gagasan negara yang kita bina ini akan mencapai tahap yang lebih kukuh dan lebih tinggi.

20. Saya meletakkan harapan agar generasi muka dapat menghapuskan sebarang perasaan prejudis, perasaan kebencian dan perasaan pelampau yang mencetuskan suasana buruk bukan sahaja di pelbagai tempat di serata dunia malah di kalangan masyarakat kita sendiri. Negara tercinta ini akan musnah - akan lebur, jika kita membenarkan budaya negatif yang menyemaikan perasaan pelampau perkauman dan pelampau agama bertapak di bumi kita.

21. Akan sampai nanti waktunya, golongan remaja yang berada di kampus pada hari ini, perlu pula membuka ruang kepada generasi terkemudian. Ketika itu saudara-saudari perlu bertanya, "Adakah kami menyerahkan kepada generasi terkemudian dunia yang lebih baik dari apa yang telah kami warisi? Atau Adakah kami telah menjadikan Malaysia tempat yang kurang menarik untuk didiami?"

22. Generasi muda adalah komponen penting di dalam mana-mana negara kerana merekalah penentu masa hadapan negara. Di Malaysia, 45% penduduk negara berada di bawah usia 21 tahun. Mereka bukan hanya penting dari segi angka ataupun dari segi sumbangan mereka sebagai sumber manusia tetapi mereka penting sebagai jambatan penghubung di antara generasi dahulu dengan generasi akan datang. Negara Malaysia masih dalam proses membangunkan sebuah negara berbilang kaum yang bersatu teguh. Kita akan berjaya jika kita mempunyai angkatan belia yang berdisiplin, sederhana dan progresif.

24. Setelah berkongsi memori dan setelah menyuarakan hasrat yang tersirat, saya menerima sebagai satu penghormatan besar untuk merasmikan Majlis Menyemarak Semula Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya pada malam ini.

25. Semoga Allah swt memberikan segala rahmat terhadap usaha kita, Semoga Dewan Tunku Canselor akan terus memenuhi peranan dan keperluan dan semoga akan dipelihara dan dihormati sebagai sebuah Dewan yang penuh sejarah.

26. Dengan kebesaran dan keberkatan Suratul Fatihah, saya merasmikan Majlis Menyemarak Semula Dewan Tunku Canselor.

Terima kasih.